

Azam PM bangunkan negara

Saya ucap terima kasih kerana sokongan yang diberikan dan ini mendorong saya untuk sama-sama memajukan negara ke tahap lebih tinggi dan cemerlang lagi

UM-18/6/2006

— Abdullah Ahmad Badawi

Oleh WAN RAMLI WAN MOHAMAD dan RAJMAH HASAN

KUALA TERENGGANU 17 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berazam membawa kemajuan lebih cemerlang kepada negara berikutan sokongan padu yang diterimanya daripada rakyat.

Perdana Menteri yang melahirkan kesyukuran atas sokongan itu turut menegaskan bahawa perkembangan yang berlaku itu akan mendorongnya bekerja lebih gigih untuk memajukan negara.

“Saya ucap terima kasih kerana sokongan yang diberikan dan ini mendorong saya untuk sama-sama memajukan negara ke tahap lebih tinggi dan cemerlang lagi.

“Insya-Allah kita akan berjaya,” katanya di hadapan para perwakilan UMNO negeri ini yang hadir pada Konvensyen UMNO Terengganu 2006 di Hotel Primula Beach Resort, di sini hari ini.

Sebagai tanda sokongan kepada Abdullah dalam isu berkaitan kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya, konvensyen itu turut menyerahkan resolusi khas taat setia kepada Abdullah.

Resolusi itu diserahkan kepada Perdana Menteri oleh Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh disaksikan kira-kira 1,200 ahli dan pemimpin UMNO.

Antara yang terkandung dalam resolusi khas yang dibacakan oleh Idris itu ialah:

Merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Perdana Menteri kerana di bawah kepimpinannya, Terengganu berjaya diselamatkan dari terus diterajui oleh parti lain yang memecahkan umat.

Menguatkan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Abdullah dan akan terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan beliau dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Memastikan kejayaan segala rancangan pembangunan Perdana Menteri terutama yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Terdahulu, Idris dalam ucapan sempena lawatan Abdullah itu menegaskan bahawa rakyat tidak memerlukan dua nakhoda untuk memimpin negara.

Sementara itu, ketibaan Abdullah di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dekat sini kira-kira pukul 2.30 petang disambut oleh Idris dan para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Majlis sambutan ketibaan Abdullah meriah dengan laungan ‘Kami Sokong Pak Lah’ dan ‘We Love Pak Lah’ oleh lebih 1,500 rakyat tempatan yang diketuai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri, Mohd. Sabri Alwi.

Imam Besar Terengganu, Mohd. Fadzli Mohd. Yusof Al-Hafiz turut membacakan doa memohon rahmat ke atas Perdana Menteri.



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut ribuan rakyat Terengganu sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu semalam.

— Gambar FAUZI BAHARUDIN

Abdullah kemudian menyampaikan ucapan ringkas yang antara lain menegaskan hanya kerajaan BN mampu membawa kemajuan negeri, justeru mengajak rakyat Terengganu mengekalkan sokongan terhadap

pemerintahan kerajaan negeri sedia ada.

Selepas itu, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli UMNO veteran di bilik VIP lapangan terbang itu.

Sebelum merasmikan majlis penutup Konvensyen UMNO Terengganu, Abdullah yang menaiki beca yang dikayuh oleh Idris diarak oleh anggota-anggota Wanita dan Puteri UMNO ke Hotel Primula.